

UNTUK SIARAN SEGERA



SIARAN MEDIA

KARNIVAL KITA MADANI X PROGRAM MADANI RAKYAT PERAK PLATFOM PENDAYAAN MAKLUMAT DAN PERKHIDMATAN KERAJAAN

SERI MANJUNG, 1 Jun 2025 – Karnival Kita MADANI x Program MADANI Rakyat Negeri Perak yang berlangsung di Arena Square, Taman Samudera, Seri Manjung, menjadi *platform* berimpak tinggi dalam menyampaikan maklumat serta perkhidmatan kerajaan secara langsung kepada rakyat.

Program anjuran Jabatan Penerangan Negeri Perak ini merupakan usaha memperluas pemahaman rakyat terhadap dasar dan inisiatif kerajaan menerusi pendekatan turun padang yang lebih dekat dengan masyarakat.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Encik Nik Kamaruzaman bin Nik Husin, Timbalan Ketua Setiausaha (Komunikasi Strategik dan Industri Kreatif), Kementerian Komunikasi pada jam 11.00 pagi.

Program ini juga merupakan langkah promosi kepada Program MADANI Rakyat (PMR) peringkat Negeri Perak yang akan diadakan dari 13 hingga 15 Jun 2025 di Daerah Manjung yang dijangka akan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri.

Antara pengisian utama karnival termasuk Jualan Rahmah dan Agro MADANI, pameran serta penyampaian perkhidmatan pelbagai agensi kerajaan, pemeriksaan kesihatan dan pergigian percuma, pertandingan mewarna, sukan rakyat, kenduri rakyat serta menghimpunkan pesilat dari 10 perguruan yang membuat persembahan kepada tetamu yang hadir.

Sebanyak 21 agensi kerajaan dan swasta menyertai reruai pameran antaranya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Konti Radio Perak FM dan lain-lain.

Perkhidmatan mudah alih turut ditawarkan oleh beberapa agensi seperti Pejabat Daerah Manjung, Majlis Perbandaran Manjung serta IM@JAPEN, memudahkan urusan secara langsung dengan masyarakat setempat.

Terdahulu, pada malam 31 Mei 2025, Tayangan Layar Bestari telah diadakan di lokasi yang sama sebagai pembuka tirai program ini, bermula jam 8.45 malam dan turut mendapat sambutan menggalakkan daripada komuniti setempat.

Turut hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah (Komunikasi Strategik), Jabatan Penerangan Malaysia, Puan Rubaayah binti Osman, wakil-wakil agensi kerajaan Persekutuan dan Negeri, serta pemimpin masyarakat setempat.

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Penerangan Negeri Perak